



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL : 1 / 2011
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERATURAN CUTI BERANAK 2011

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Peraturan Cuti Beranak 2011 adalah seperti berikut:

2. Syarat Kelayakan

2.1 Cuti Beranak diberikan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan perempuan dalam Perkhidmatan Awam yang sah berkahwin di sisi Undang-Undang Negara Brunei Darussalam:

- Pegawai dan kakitangan perempuan didalam Perkhidmatan Tetap, Kontrak, "Site-Staff", Sebulan Ke Sebulan, Open-Vote dan Gaji Hari.

3. Tempoh Cuti Beranak

3.1 Tempoh keseluruhan Cuti Beranak adalah selama **15 minggu (105 hari)** dan hendaklah diambil 2 minggu sebelum tarikh dijangka beranak.

4. Syarat Am

4.1 Cuti tersebut disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

4.2 Cuti Beranak hendaklah dihabiskan di dalam Negara Brunei Darussalam sahaja kecuali:


- i. Pegawai yang bertugas di luar Negara Brunei Darussalam.
- ii. Pegawai yang terpaksa beranak di luar Negara Brunei Darussalam kerana kerumitan (*complications*) perbidanan.
- iii. Pegawai yang terpaksa mendapatkan rawatan selepas beranak di luar Negara Brunei Darussalam.

5. Cuti Tahunan

5.1 Cuti Beranak tidak akan ditolak dari sebarang baki Cuti Tahunan. Dalam tempoh Cuti Beranak tidak ada kelayakan Cuti Tahunan.

6. Pembayaran Gaji

6.1 Cuti Beranak diberikan dengan bergaji penuh bagi perkhidmatan yang melebihi 180 hari, setengah bayaran gaji bagi perkhidmatan 90 hari hingga 180 hari, dan tanpa gaji bagi perkhidmatan kurang daripada 90 hari.



7. **Keguguran atau Kematian Anak Dalam Kandungan**

- 7.1 Didalam keadaan dimana melibatkan keguguran kurang dari 24 minggu kandungan, pegawai perempuan itu akan diberikan **Cuti Sakit**.
- 7.2 Didalam keadaan dimana melibatkan kematian anak dalam kandungan lebih dari 24 minggu, pegawai perempuan itu akan diberikan **Cuti Beranak selama 8 minggu sahaja**.

8. **Pengesahan**

- 8.1 Kebenaran Cuti Sakit dan Cuti Beranak akan disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

9. **Pembatalan**

- 9.1 Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 17/1993 bertarikh 4 September 1993 adalah dengan ini dibatalkan.

10. **Tarikh Kuatkuasa**

- 10.1 Peraturan ini mula berkuatkuasa pada **1 Januari 2011**.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

" Akhlak Mulia, Kehidupan Sempurna "

[**HAJI MOHD 'ABDOH BIN DATO SERI SETIA HAJI ABDUL SALAM**]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan, BA 1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ruj: (1) JPM/SK/2011

Tarikh: 28 Muharram 1432
03 Januari 2011